

SKIM PEMBIAYAAN PENGAJIAN BOLEH UBAH (SPPBU)

TABUNG PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI PEKEBUN KECIL RISDA

PENDAHULUAN

Skim Pembiayaan Pengajian Boleh Ubah Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil (TPSEPK) diwujudkan atas kelulusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) kali ke 196 mengikut Arahan Ketua Pengarah Bilangan 7 Tahun 2008 bertarikh 28 Januari 2008 dan dilaksanakan mengikut Arahan Ketua Pengarah Bilangan 24 Tahun 2013 bertarikh 25 November 2013.

1. 0 TUJUAN PINJAMAN

Tujuan Skim Pembiayaan Pengajian Boleh Ubah ini adalah untuk memberi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan secara pinjaman boleh ubah kepada biasiswa kepada anak-anak pekebun kecil untuk melanjutkan pengajian mereka di Kolej RISDA Sdn. Bhd. Pembiayaan pinjaman ini boleh diubah kepada biasiswa sekiranya pelajar yang dibiayai mencapai keputusan keseluruhan peperiksaan dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.500 dan ke atas pada penilaian di semester akhir bagi peringkat ijazah sarjana muda dan diploma. Bagi peringkat sijil, pembiayaan pinjaman ini boleh diubah kepada biasiswa tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa TPSEPK.

2.0 SKOP PEMBIAYAAN

- 2.1 Bidang/kursus bagi pelajar yang layak menerima pinjaman di bawah pemberian Skim Pemberian Pengajian Boleh Ubah Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil meliputi semua kursus di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah yang ditawarkan oleh Kolej RISDA sahaja.
- 2.2 Pemberian meliputi ;
- i) Yuran Pengajian
 - ii) Yuran Penginapan
 - iii) Elaun Makan/minum
- } Bayaran Sara Hidup Pelajar

3.0 KELAYAKAN PEMOHON

- 3.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia.
- 3.2 Pemohon hendaklah terdiri daripada anak-anak pekebun kecil yang disahkan oleh Pembantu Pertanian RISDA (PPR), Pen. Pegawai Pertanian, Pegawai RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian/Negeri atau Bahagian Tanam Semula Ibu Pejabat.
- 3.3 Pemohon hendaklah menerima tawaran pengajian di Kolej RISDA Sdn. Bhd.
- 3.4 Tahap pengajian adalah pada peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah dalam semua bidang/kursus yang ditawarkan oleh Kolej RISDA Sdn. Bhd.

4.0 SYARAT-SYARAT AM

- 4.1 Pemohon mestilah mempunyai kelulusan yang memuaskan atau mengikut taraf seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil.
- 4.2 Pemohon mestilah tidak terikat/menerima sebarang bantuan/pinjaman kewangan daripada mana-mana pertubuhan/organisasi lain semasa pengajian.
- 4.3 Pemohon dikehendaki mengemukakan dua (2) orang penjamin bagi ikatan perjanjian di antara pihak RISDA dengan pelajar dan penjamin. Syarat-syarat penjamin adalah seperti berikut;
 - i. Warganegara Malaysia
 - ii. Berumur 21 tahun hingga 55 tahun
 - iii. Mempunyai pekerjaan berpendapatan tetap dan salah seorang adalah penjawat awam dengan pendapatan tidak kurang dari RM1,500.00
- 4.4 Bayaran balik pinjaman adalah selepas 2 tahun tamat pengajian peringkat yang tertinggi dengan kadar kos perkhidmatan sebanyak (1) peratus daripada jumlah pinjaman yang dibayar selama 20 tahun atau lebih awal.
- 4.5 RISDA tidak terikat memberi sebarang jawatan setelah tamat pengajian.

- 4.6 Tertakluk kepada lain-lain Terma & Syarat dalam ikatan perjanjian di antara Pelajar dan RISDA.
- 4.7 Jawatankuasa TPSEPK akan memberi pertimbangan ke atas semua permohonan yang diterima dan keputusannya adalah muktamad dan Jawatankuasa tidak terikat untuk memberi apa-apa alasan jika terdapat bantahan semasa menolak permohonan.

5.0 **CARA MEMOHON**

- 5.1 Permohonan pinjaman hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh RISDA sahaja iaitu **Borang SPPBU**
- 5.2 Setiap permohonan perlu disertakan salinan dokumen sokongan berikut untuk tindakan urusetia TPSEPK;
 - a. Salinan Kad Pengenalan Pelajar dan Surat Beranak
 - b. Salinan Kad Pengenalan Ibubapa/Penjaga
 - c. Salinan Surat Tanam Semula Risda Sebagai Bukti Anak Pekebun Kecil(TS32/RISDA 7/TS 18A)
 - d. Salinan Geran Tanah Tanam Semula Sebagai Bukti Anak Pekebun Kecil
 - e. Salinan Penyata Gaji/Pengesahan Pendapatan Ibubapa/Penjaga
 - f. Salinan Surat Tawaran Kemasukan Ke Kolej RISDA Sdn. Bhd.
 - g. Salinan Pengesahan Mendaftar Sebagai Pelajar (Resit Bayaran Kemasukan Ke Kolej RISDA Sdn. Bhd)
- 5.3 Setiap permohonan perlu mendapatkan pengesahan dan sokongan Pegawai RISDA Daerah / Negeri atau Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan bagi memastikan borang permohonan lengkap, menepati syarat kelayakan bantuan dan mengesahkan pemohon adalah anak

pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA.

- 5.4 Borang permohonan yang telah lengkap perlu dihantar kepada Urusetia TPSEPK Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) melalui penyelaras pinjaman Kolej RISDA Sdn. Bhd dalam tempoh 2 bulan selepas pendaftaran kemasukan ke Kolej RISDA Sdn. Bhd. (Pengumpulan borang diuruskan oleh pihak Kolej RISDA Sdn. Bhd. dan dihantar kepada urusetia TPSEPK).